


UiTM anjur IPiCEX 2006 November

BH 5/8/06 CM S B A)
 UNIVERSITI Teknologi 'Mara (UiTM) akan menganjurkan Persidangan dan Pameran Industri Perladangan Antarabangsa 2006 (IPiCEX 2006) di Hotel Shangri-La, Kuala Lumpur pada 26 hingga 29 November depan.

Naib Canselornya, Datuk Seri Prof Dr Ibrahim Abu Shah, berkata persidangan berkenaan bertujuan menangani isu ekonomi pertanian global serta cabaran mempengaruhi sektor perladangan dan pasaran komoditi.

Acara berkenaan dianjurkan secara bersama dengan Institut Antarabangsa Pengurusan Perladangan (IIPM), Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Golden Hope Plantations Bhd, Incorporated Society of Planters dan Felda.

"Kami berharap IPiCEX 2006 akan memainkan peranan penting dalam menyediakan platform yang mana isu penting mengenai pertanian global boleh dibincang secara terperinci oleh peringkat tertinggi pembuat keputusan dalam kerajaan dan industri dari seluruh negara," katanya ketika pelancaran awal IPiCEX 2006 semalam.

Kira-kira 1,000 peserta dijangka menghadiri persidangan berkenaan.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin dijangka menyampaikan ucapatama pada majlis perasmian persidangan itu.